

09/08/2005

Mahathir-Ringggit

PEMANSUHAN TAMBATAN RINGGIT TIDAK BERI IMPAK KEPADA PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Pemansuhan tambatan ringgit tidak memberi impak besar perniagaan walaupun nilainya dijangka meningkat kira-kira 10 peratus menjelang akhir tahun ini, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menjawab pertanyaan mengenai sama ada peningkatan nilai berterusan ringgit boleh menjejaskan persaingan perniagaan serta impak ke atas industri.

"Saya yakin nilai ringgit boleh meningkat sebanyak 10 peratus. Malah 10 peratus masih kompetitif. Ia bergantung kepada bagaimana anda mengurus kos dan kewangan," katanya selepas menghadiri jamuan malam Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih boleh bersaing dengan negara jirannya walaupun kos menjalankan perniagaan di sana lebih rendah dan peningkatan relatif mata wang mereka.

"(Ini) bergantung kepada nilai ringgit jika tidak melonjak sehingga 20 hingga 30 peratus yang menjadikannya sukar untuk diurus, tetapi saya tidak fikir ia akan berlaku," katanya.

Ringgit kini mengalami peningkatan hampir dua peratus sejak pemansuhan tambatan secara rasmi pada 22 Julai.

Mengenai soalan mengenai penurunan Pelaburan Langsung Asing (FDI), Dr Mahathir berkata ia merupakan perkara semulajadi memandangkan lebih banyak negara kini mempromosi FDI di negara masing-masing.

"Malaysia mempunyai kelebihan kerana kita memutuskan untuk mempelawa FDI ke negara ini seawal 1960," katanya.

Beliau berkata Malaysia kini sangat berpengalaman, mesra pelabur dan menguasai bahasa Inggeris yang baik.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia mempunyai keupayaan untuk menggunakan kelebihan ini untuk menjualnya kepada negara lain.

"Malaysia sudah lama meninggalkan industri berintensifkan buruh dan menumpukan kepada industri berteknologi tinggi yang memerlukan kepakaran khusus," katanya.

-- BERNAMA

SOR NBB AKT LAT